

KENYATAAN TENDER

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	*JENIS SYARIKAT TEMPATAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/ MASA TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/D036/PAKEJ 1A/02/25	PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR MACHANG, PEMASANGAN PAIP UTAMA, TANGKI IMBANGAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI DAERAH MACHANG, KELANTAN Pakej 1A : Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Air Machang 1 Berkapasiti 50 JLH Di Daerah Machang, Kelantan.	T3	SPKK dan Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G7 Pengkhususan CE20, CE21 dan M19	Taklimat Tender Tarikh: 15 Disember 2025 (Isnin) Masa: 11.00 pagi Tempat: Dewan Seminar, Tingkat 6, Wisma Air Kelantan, Kota Bharu, Kelantan Lawatan Tapak Tarikh: 15 Disember 2025 (Isnin)	RM 2,500.00 Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai 15 Disember 2025 (Isnin)	Tarikh: 16 Disember 2025 (Selasa) Sehingga 2 Januari 2026 (Jumaat) Masa: 8,30 pagi hingga 5.00 petang	21 Januari 2026 (Rabu) Pada atau sebelum 12.00 tengahari KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Syarat-Syarat Wajib Keupayaan Teknikal Kontraktor Bagi Projek Di Atas:

1. **Kontraktor (Syarikat Tunggal)**

Telah melaksanakan projek pembinaan Loji Rawatan Air sebagai kontraktor utama atau sub-kontraktor dengan kapasiti tidak kurang dari 20 JLH dalam satu kontrak bagi tempoh sepuluh (10) tahun lepas.

2. **Kontraktor (Syarikat Usahasama)**

Telah melaksanakan projek pembinaan Loji Rawatan Air sebagai kontraktor utama atau sub-kontraktor dengan kapasiti tidak kurang dari 20 JLH dalam satu kontrak bagi tempoh sepuluh (10) tahun lepas (Ketua Syarikat Usahasama atau Rakan Kongsi Usahasama).

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	*JENIS SYARIKAT TEMPATAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/ MASA TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/C004/PAKEJ 2/05/25	CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM BEKALAN AIR DI DAERAH MARAN DAN LIPIS, PAHANG OP4-23 FASA 1 Pakej 2 : Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Elektrik (Motor dan VSD) dan Kerja-Kerja Berkaitan di Rumah Pam Air Bersih Loji Jengka Utama, Maran, Pahang.	T1	SPKK dan Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G5/G6/G7 Pengkhususan CE21 dan M15	Taklimat Tender Tarikh: 17 Disember 2025 (Rabu) Masa: 11.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat JPKK, Perpustakaan Desa Batu Sawar, 28050 Kuala Krau, Temerloh, Pahang. Lawatan Tapak Tarikh: 17 Disember 2025 (Rabu)	RM 500.00 Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai 17 Disember 2025 (Rabu)	Tarikh: 18 Disember 2025 (Khamis) Sehingga 29 Disember 2025 (Isnin) Masa: 8,30 pagi hingga 5,00 petang	14 Januari 2026 (Rabu) Pada atau sebelum 12.00 tengahari KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

1. **Jenis Syarikat Tempatan**

T1 - Syarikat 100% milik tempatan (**Sila lampirkan salinan Profil Syarikat atau Profil Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**).
 T3 - Syarikat 70% milik tempatan; atau syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti bilangan pekerja adalah warganegara tempatan termasuk Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. (**Sila lampirkan salinan Profil Syarikat atau Profil Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**).

2. **Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN.** Hanya pegawai yang ditauliahkan yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Maklumat terperinci lawatan tapak akan diberikan pada sesi taklimat tender seperti yang dinyatakan di atas. Lawatan tapak akan dijalankan selepas taklimat tender selesai. **Kontraktor diwajibkan untuk memakai peralatan pelindung diri (kasut, vest dan topi keselamatan) bagi tujuan lawatan tapak.**

3. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara 'Electronic Fund Transfer' (EFT) di atas nama **Pengurusan Aset Air Berhad**. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.

4. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan lesen / sijil pendaftaran **ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).

5. Dokumen Tender boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

URUS SETIA TENDER

PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (Reg. No. 200601012793 (732544-D))

Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Tel : 03 2614 5432 / 5499 | Fax : 03 2614 5448 | Pegawai : Siti Masitah Binti Ab Rani / Nur Safawati Md Salleh

6. Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan jelas di penjurua atas sebelah kiri "Nombor Tender" dan "Tajuk Tender" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.

7. Pihak PAAB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran tender yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.